

17 NOV 1997

PERUTUSAN TAHNIAH KEPADA SULTAN QABOOS

KUALA LUMPUR, 17 Nov (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar hari ini menghantar perutusan tahniah kepada Sultan Oman, Sultan Qaboos Said sempena hari kebangsaan yang ke-27 negara itu.

Dalam satu perutusan serupa kepada Sultan Qaboos, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata: "Semoga hubungan mesra dan kerjasama rapat yang sedia wujud akan diperkukuhkan dan dipertingkatkan lagi bagi kebaikan rakyat dan kerajaan kita."

Sementara itu Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam mesejnya kepada rakan sejawatan Yousof Al-Alawi Abdullah berkata beliau berharap dapat bekerjasama rapat bagi meningkatkan hubungan antara kedua-dua negara.

"Semoga kerjasama dua hala antara Malaysia dan Oman terus kukuh dan berkembang dalam tahun-tahun akan datang," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan Wisma Putra di sini. -- BERNAMA

HAK RON